



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/14_86 (HQ)

TNB DAN FELDA BERKOLABORASI DALAM TEKNOLOGI HIJAU KE ARAH PENGURANGAN JEJAK KARBON

- GSPARX bekerjasama dengan FELDA untuk pemasangan 1.6 MWp kapasiti solar
- FELDA akan mendapat penjimatan RM10.74 juta dalam bil elektrik sepanjang tempoh kontrak
- Inisiatif peralihan tenaga itu mampu mengurangkan 1,321 tan metrik karbon dioksida setahun

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, **GSPARX Sdn Bhd (GSPARX)** terus mendapat sokongan agensi-agensi kerajaan dalam menggiatkan peralihan tenaga dengan terkini daripada **Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)**.

Melalui Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE), GSPARX akan memasang sistem solar fotovoltaik atas bumbung di 14 premis kepunyaan FELDA di Semenanjung Malaysia dengan kapasiti berjumlah 1.6 MWp.

Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman berkata, inisiatif teknologi hijau itu bakal mempertingkatkan impak pembangunan mesra alam dan kesejahteraan sejagat sejajar komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Perjanjian ini juga merangkumi solusi tenaga pintar lain seperti Green Electricity Tariff (GET) apabila kuota tersedia, seterusnya aspek kecekapan tenaga dan sistem pemantauan tenaga (EMS – Energy Monitoring System) dalam mengurangkan pelepasan karbon,” katanya di majlis menandatangani SARE di Menara FELDA pada 7 November 2022.

Ia ditandatangani Ketua Pegawai Pelanggan (Government & Large Business) Bahagian Retail TNB, Nasaruddin Mohd Zaini; Pengarah Urusan, GSPARX Sdn.Bhd., Elmi Fairul Mashuri, dan Pengarah Besar FELDA, Dato’ Amiruddin Abdul Satar. Bersama Kamal, majlis ini turut disaksikan oleh Timbalan Pengarah Besar Operasi FELDA, Izham Mustaffa dan Chief Strategy & Ventures Officer TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Pemasangan panel solar fotovoltaik itu merangkumi pelbagai bangunan termasuk Menara FELDA, Institut Semarak Felda serta pejabat-pejabat wilayah di negeri Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Menurut Kamal, kerja-kerja pemasangan dijadualkan siap pada bulan Mei 2023 dan inisiatif beralih kepada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) ini membolehkan FELDA menikmati anggaran penjimatan bil elektrik sebanyak RM10.74 juta untuk tempoh 20 tahun perjanjian.

Katanya, ia adalah sejajar aspirasi nasional menuju negara neutral karbon menjelang 2050 apabila inisiatif tersebut mampu mengurangkan 1,321 tan metrik karbon dioksida setiap tahun bersamaan pemerangkapan gas rumah hijau oleh 24,232 pokok dalam tempoh 10 tahun.

Serentak itu, ia juga adalah manifestasi pemerkasaan ESG oleh pihak FELDA sebagai sebuah agensi berteraskan perladangan dan mobiliti social, seterusnya menjadi pemangkin kepada agensi yang setara dalam mengadaptasi pembangunan lestari.

Berucap di majlis itu, Izham menyatakan bahawa FELDA yakin projek berkenaan menjadi permulaan terbaik kepada kerjasama mampan selain menyokong setiap usaha ke arah merealisasikan sasaran TBB, sekali gus memelihara alam sekitar melalui penjanaan berkesan tenaga hijau.

“Kami amat mengalu-alukan program persefahaman sebegini khususnya menyokong kepada langkah penjimatan kos pengurusan selain menjadi perintis kepada penerokaan sumber boleh diperbaharui oleh pihak FELDA,” katanya.

Sehingga kini, GSPARX telah memperoleh 287 projek dengan organisasi komersial, perindustrian & kerajaan, menjana sejumlah 232 MWp kapasiti solar. Antaranya Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), Sime Darby Properties, Jabatan Kerja Raya (JKR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Ipoh, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Universiti TATI (TATIUC), Perak Transit, Lumileds, SKF Bearing, CJ Bio, Spirit Aerosystems, Primula Beach Hotel dan SMART Penang.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 November 2022, jam 1:00 tengah hari

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi :

Untuk TNB

Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my

Untuk FELDA

Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Strategik Encik Muhammad Fakhrul Rozi
Abd Rahman di talian +6016-714-1477 atau +603-2191 2008. Pertanyaan juga boleh
dimajukan melalui fakhrul.ar@felda.net.my.

Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang ditubuhkan pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat, organisasi dan agensi kerajaan bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui Malaysia yang berpotensi besar untuk diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan dari kategori agensi kerajaan, komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>

Mengenai FELDA

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula melibatkan tanaman sawit dan getah. Selepas tahun 1990, FELDA tidak lagi membuat pengambilan peneroka baru setelah meraih kejayaan dalam merubah kehidupan 112,638 keluarga peneroka dan menempatkan mereka di 317 buah rancangan di seluruh negara.

Sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan kepada FELDA telah melonjakkan badan berkanun ini menjadi sebuah konglomerat besar dengan aktiviti huluan dan hiliran yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat ataupun syarikat bersekutu. Hari ini, FELDA adalah satu agensi keramat yang terus merangka pelan komprehensif dalam meningkatkan mobiliti sosial warga peneroka dengan mewujudkan pelbagai infrastruktur moden, aktiviti keusahawanan dan pertanian pintar untuk mempelbagaikan pendapatan peneroka di kawasan-kawasan rancangan seluruh Malaysia agar mereka mampu terus meningkatkan pendapatan tanpa terlalu bergantung kepada hasil sawit dan getah.

Dengan tadbir urus yang dinamik, pemantapan sistem perladangan melalui mekanisasi dan automasi berserta anjakan paradigma pemikiran warga peneroka, FELDA kini menyasarkan matlamat ke arah syarikat Fortune Global 500 menjelang tahun 2040.



Ketua Pegawai Pelanggan (Government & Large Business) Bahagian Retail TNB Nasaruddin Mohd Zaini (dua dari kiri) diikuti Pengarah Besar FELDA, Dato' Amiruddin Abdul Satar dan Pengarah Urusan, GSPARX Sdn.Bhd, Elmi Fairul Mashuri masing-masing menunjukkan dokumen yang sudah mereka tandasigni. Turut meraikan upacara pemeteraian perjanjian itu ialah Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman (paling kiri); Ahli Lembaga Pengarah FELDA, Abd Halim Abd Majid (dua dari kanan) dan Chief Strategy & Ventures Officer TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.